

10/05/2002

Belum masa hantar misi ke Palestin

Mohd Anwar Patho Rohman

PUTRAJAYA, Khamis - Misi menghantar bantuan kemanusiaan ke Palestin tidak boleh dilakukan pada masa ini memandangkan negara itu masih berada dalam suasana peperangan, kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Keadaan perang di sana yang tidak menentu membataskan usaha Malaysia menghantar semua jenis bantuan kemanusiaan.

"Lagipun, bantuan tidak boleh dihantar terus ke sana kerana ada sekatan tertentu dilakukan oleh Israel sendiri yang sudah tentu boleh membahayakan nyawa orang kita yang ke sana.

"Buat masa sekarang, kita hanya mengumpul maklumat daripada pelbagai badan bukan kerajaan antarabangsa dan orang perseorangan untuk memberitahu kedudukan sebenar di sana.

"Apabila kita sudah dapat mengumpul derma, satu hari nanti kita akan hantar ke negara itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menerima sumbangan berjumlah RM15,839.12 bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Palestin di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak.

Sumbangan itu diterima daripada Dewan Perniagaan Melayu Selangor, Gerakan Belia 4B Malaysia, Umno Bahagian Kota Tinggi, Majlis Belia Malaysia dan Sekolah Menengah Seri Aman Petaling Jaya.

Sementara itu, beliau berkata Kesatuan Eropah (EU) boleh berperanan mempengaruhi usaha masyarakat antarabangsa terutama Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) untuk mengenakan sekatan perdagangan terhadap Israel sebagai satu cara mendesak rejim Tel Aviv itu melaksanakan ketetapan PBB.

Syed Hamid berkata, usaha kerajaan mengutus surat kepada EU kerana berharap blok negara Eropah itu akan membuka jalan kepada PBB mengambil tindakan serupa terhadap Israel.

"Dalam perkembangan lalu, kerajaan mendapati peranan EU amat penting sebagai satu blok negara yang boleh mempengaruhi keputusan antarabangsa supaya bertindak menghentikan keganasan Israel terhadap rakyat Palestin.

"Selama ini tindakan mereka (EU) terhadap isu-isu antarabangsa mempunyai kesan kepada pihak-pihak lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Syarahan Perdana Palestin Dan Kemanusiaan malam tadi bahawa beliau sudah menulis surat kepada ketua kerajaan negara Eropah mengenai isu Palestin.

Syed Hamid berkata, sebelum ini, negara EU dilaporkan pernah menimbang mengadakan sekatan perdagangan terhadap Israel jika negara itu tidak mematuhi ketetapan yang diluluskan oleh PBB mengenai isu Palestin.

Katanya, surat yang dihantar adalah untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi Palestin yang diduduki Israel.

"Ini adalah tindakan rasional dan munasabah bagi meminta EU bertindak tegas supaya dapat mempengaruhi keputusan Majlis Keselamatan PBB dan Amerika," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, beliau akan mewakili Malaysia bagi menghadiri majlis perisytiharan penubuhan negara Timur Timor merdeka yang akan diadakan pada 20 Mei ini.

(END)